

**Henti burukkan nama Malaysia  
Utusan Online  
26 November, 2012  
Oleh ABDUL MUIN SAPIDIN**

BAGAN DATOH 25 Nov. - Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim diminta menghentikan perbuatan memburuk-burukkan nama negara dengan fakta palsu kepada pihak asing kerana tidak ubah seperti menggadai maruah negara.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menegaskan, tindakan Anwar menyogok cerita tidak berasas tentang sistem pilihan raya di Malaysia adalah kerja sia-sia kerana negara asing mengakui kredibiliti sistem demokrasi di sini.

"Kalau Menteri Luar Australia (Senator Bob Carr) boleh yakin dengan sistem kita, kenapa orang Malaysia sendiri seperti dia (Anwar) tidak yakin? Pada hemat saya, tindakan memburuk-burukkan nama negara ini mesti dihentikan, sangat tidak wajar.

"Perbuatan ini seolah-olah negara ini tidak ada maruah dan tidak yakin pada diri sendiri. Pembangkang kena ingat sistem pilihan raya yang dipandu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sudah cukup terbuka dalam usaha penambahbaikan," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan Datoh berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis penyerahan anak angkat Program Bakti Siswa Universiti Malaya (UM) di Sekolah Kebangsaan Kampung Baru, Batu 16 di sini hari ini.

Baru-baru ini, Carr dilaporkan berkata, Australia tidak boleh dan tidak akan mempengaruhi cara pilihan raya umum yang patut dilaksanakan di Malaysia walaupun menerima rayuan berhubung perkara itu daripada Anwar.

Anwar dilaporkan menulis kepada Carr untuk meminta Australia membantu dalam memastikan pilihan raya umum akan datang di Malaysia, yang berkemungkinan diadakan awal tahun depan, bebas daripada penipuan dan rasuah.

Zahid berkata, Anwar kini terdesak mencari kesalahan kerajaan dan SPR bagi dijadikan alasan sekiranya pakatan pembangkang gagal menubuhkan kerajaan pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

"Bagi saya, masalah dalaman perlu diselesaikan secara dalaman, tidak perlu panggil orang luar untuk masuk campur dalam sistem demokrasi di negara kita. Hakikatnya, tindakan ini dilakukan untuk menutup kelemahan Anwar dan pembangkang sendiri.

"Dua minggu lalu, SPR panggil Ahli Parlimen daripada pelbagai parti dalam taklimat untuk bincang (tentang pilihan raya) tetapi hanya segelintir pemimpin pembangkang hadir. Kalau mereka ikhlas nak baiki sistem, mereka patut datang dan berbincang panjang lebar dengan SPR," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20121126/po\\_05/Henti-burukkan-nama-Malaysia](http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20121126/po_05/Henti-burukkan-nama-Malaysia)